

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-5
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-89 di Surau Sg Nyior

SAMBUNGAN KELEBIHAN2 ILMU

Ibnu Mubarak tidak memasukkan orang tak berilmu dalam golongan manusia. Kerana ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan ialah ilmu. Maka manusia itu adalah manusia, di mana ia menjadi mulia kerana ilmu.

1. Dan tidaklah yang demikian itu disebabkan kekuatan dirinya. Unta adalah lebih kuat daripada manusia.
2. Bukanlah kerana besarnya. Gajah lebih besar daripada manusia.
3. Bukanlah kerana beraninya. Binatang buas lebih berani daripada manusia.
4. Bukanlah kerana banyak makannya. Perut lembu lebih besar daripada perut manusia.
Bukanlah kerana kekuatan bersetubuhnya dengan wanita. Burung pipit yang paling rendah, lebih kuat bersetubuh dibandingkan dengan manusia.

Bahkan manusia itu tidak dijadikan selain kerana ilmu.

Fathul Mausili ra bertanya : “Bukankah orang sakit itu apabila tidak mahu makan dan minum, lalu mati?”

Orang di sekelilingnya menjawab : “Benar.”

Lalu sambung Tahul Mausili : “Beginu pula hati, apabila tidak mahu kepada hikmah dan ilmu dalam 3 hari, maka matilah hati itu.”

Hikmah Al-Ghazali 5

“Orang yang tak berilmu, hatinya menjadi sakit dan kematian hatinya itu suatu kemestian. Tetapi dia tidak menyedari demikian, kerana kecintaan dan kesibukannya dengan dunia menghilangkan perasaan itu. Sebagaimana takut yang bersanggatan, kadang-kadang menghilangkan kepedihan luka seketika, meskipun luka itu masih ada.”

Hikmah Al-Ghazali 6

“Kita berlindung dengan Allah dari hari pembukaan apa yang tertutup. Sesungguhnya manusia itu tertidur. Apabila mati, maka dia terbangun.”

Berkata Al-Hasan ra : “Ditimbang tinta para ulama dengan darah para syuhada’. Maka beratlah timbangan tinta para ulama.”

Berkata Ibnu Mas’ud ra : “Mestilah engkau berilmu sebelum ilmu itu diangkat. Diangkat ilmu adalah dengan kematian para perawinya.”

Berkata Ibnu Abbas : ‘Bertukar-tukar fikiran tentang ilmu sebahagian daripada malam, lebih aku sukai daripada berbuat ibadah pada malam itu.’

Beginu juga menurut Abu Hurairah ra dan Ahmad bin Hanbal.”

Kata Abu Darda' : "Aku lebih suka mempelajari satu masalah daripada mengerjakan solat satu malam."

"Berkata Al-Hasan tentang firman Allah Ta'ala:

"Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di hari akhirat." (Al-Baqarah : 201)

...bahawa kebaikan di dunia itu ialah ilmu dan ibadah, sedangkan kebaikan di akhirat itu ialah syurga."

Ditanyakan kepada sesetengah hukama' (ahli-ahli hikmah) : "Barang apakah yang dapat disimpan lama?"

Lalu ia menjawab : "Iaitu barang-barang yang apabila kapalmu karam, maka dia berenang bersama kamu, yakni ilmu."

Dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kapal karam itu ialah binasa badan, (iaitu) dengan mati.

Berkata Luqman : Hai anakku! Duduk bersama-sama ulama. Rapatlah mereka dengan kedua-dua lututmu. Sesungguhnya Allah SWT menghidupkan hati dengan sinar nur hikmah seperti menghidupkan bumi dengan hujan dari langit."

Berkata sesetengah hukama' " Apabila meninggal seseorang ahli ilmu, maka ia ditangisi oleh ikan di dalam air dan burung di udara. Wajahnya hilang tetapi sebutannya tidak dilupakan."

KELEBIHAN-KELEBIHAN MENUNTUT ILMU

"Maka bertanyalah kepada ahli ilmu jika jika kamu tidak tahu." (An-Nahl : 43)

"Barangsiapa menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahi Allah kepadanya jalan ke syurga." (Muslim)

Berkata Imam Syafi'i : " Menuntut ilmu adalah lebih utama daripada berbuat ibadah sunnah."

Berkata Abu Darda ra : "Barangsiapa berpebdapat bahawa pergi menuntut ilmu bukan jihad, maka adalah dia orang yang kurang fikiran dan akal."